

Ruj. Kami : KP(BPPDP) 13/15 Jld.50 (882)
Tarikh : 21 September 1999

En. Abdul Halim b. A. Rahman,
JPN 808, Rumah Guru SMK.Kerteh,
24300 Kemaman,
TERENGGANU.

Tuan/Puan,

Kebenaran Untuk Menjalankan Kajian Di Sekolah-Sekolah, Maktab-Maktab
Perguruan, Jabatan-Jabatan Pendidikan Dan Bahagian-Bahagian Di Bawah
Kementerian Pendidikan Malaysia

Adalah saya dengan hormatnya diarah memaklumkan bahawa permohonan
tuan/puan untuk menjalankan kajian bertajuk:

“Penilaian Guru Terhadap Kandungan Kurikulum
Pendidikan Ekonomi Asas SPM: Satu Kajian Kes Di Daerah
Kemaman.”


telah diluluskan.

2. Kelulusan ini adalah berdasarkan apa yang terkandung di dalam cadangan
penyelidikan yang tuan/puan kemukakan ke Bahagian ini. Kebenaran bagi
menggunakan sampel kajian perlu diperolehi daripada Ketua Bahagian/Pengarah
Pendidikan negeri yang berkenaan. Sila kemukakan ke Bahagian ini senaskah
laporan kajian tuan/puan setelah ia selesai kelak.

Sekian untuk makluman dan tindakan tuan/puan selanjutnya. Terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DR. AMIR BIN MOHD SALLEH)
b.p. Pengarah,
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

sk.

Pengarah Pendidikan,
Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu.

Head,
Department of Educational Development,
UM.

LAMPIRAN A

SOALAN TEMUBUAL

SOALAN TEMUBUAL

A. KESESUAIAN KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS DENGAN KEHENDAK MATLAMAT PENDIDIKAN NEGARA DAN MATLAMAT DAN OBJEKTIF PENDIDIKAN EKONOMI ASAS.

1. Matlamat Pendidikan Negara
 - i) Adakah Cikgu mengetahui dan memahami Kandungan Matlamat Pendidikan Negara?
 - ii) Pada penilaian Cikgu , Adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas selaras atau relevan dengan Matlamat Pendidikan Negara?
 - iii) Kenapa Cikgu beranggapan demikian?
2. Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas?
 - i) Adakah Cikgu mengetahui dan memahami Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas?
 - ii) Pada penilaian Cikgu, adakah kandungan kurikulum pendidikanEkonomi Asas relevan dengan kehendak matlamat dan objektif pendidikan Ekonomi Asas?
 - iii) Kenapakah Cikgu beranggapan demikian?
3. Cikgu mendapat maklumat mengenai Matlamat Pendidikan dan Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas dari sumber ?
4. Di antara keenam-enam matlamat dan objektif Pendidikan Ekonomi Asas, bolehkah Cikgu senaraikan objektif yang mudah dicapai mengikut keutamaan Cikgu?
5. Pada penilaian Cikgu, matlamat dan objektif Pendidikan Ekonomi Asas yang manakah lebih mudah untuk dicapai?

B. PENGETAHUAN DAN KEFAHAMAN MENGENAI KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS.

1. Adakah Cikgu menghadapi sebarang masalah berkaitan kandungan kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas ?

2. Sekiranya Cikgu menghadapi masalah (contohnya berkenaan teori-teori, prinsip-prinsip, memilih isi kandungan, merancang pengajaran dan sebagainya) , apakah tindakan yang Cikgu ambil?
3. Adakah Cikgu berasa yakin dalam menyampaikan isi kandungan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Cikgu?
4. Apakah masalah-masalah lain yang Cikgu hadapi dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini?

C. PEMILIHAN ISI KANDUNGAN PENDIDIKAN EKONOMI ASAS

1. Pada penilaian Cikgu , adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas sesuai dengan keperluan pembangunan diri pelajar?
2. Pada penilaian Cikgu, adakah Cikgu berasaskan bahawa isi kandungan pendidikan Ekonomi Asas penting kepada pelajar?
3. Pada penilaian Cikgu, adakah wajar pendidikan Ekonomi Asas dijadikan mata pelajaran teras dalam KBSM?

D. PENYUSUNAN ISI KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS

- 1) Pada penilaian Cikgu, adakah penyusunan isi kandungan pendidikan Ekonomi Asas sekarang sesuai
- 2) Jikalau sesuai, bolehkah Cikgu berikan alasan ?
Sebagai panduan Cikgu : berkaitan
 - a) Aspek penyusunan tajuk mudah diaduhukan berbanding tajuk yang lebih sukar?Contoh?

- b) Aspek penyusunan mengikut kepentingan sesuatu tajuk berbanding tajuk yang lain? Contoh?
 - c) Pada penilaian Cikgu, adakah terdapat perkaitan antara isi kandungan mata pelajaran ini dengan mata pelajaran-mata pelajaran yang lain? Sekiranya ada, boleh berikan contoh?
- 3) Adakah penyusunan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas ini memudahkan pembelajaran pelajar-pelajar Cikgu ?

E. KESELARIAN ISI KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS DENGAN TAHAP KESEDIAAN PELAJAR

- 1) Pada penilaian Cikgu, adakah kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas selaras dengan tahap kesediaan pelajar Cikgu?
- 2) Kalau sesuai, kenapa Cikgu berpendapat sedemikian?
- 3) Kalau tidak sesuai, kenapa Cikgu berpandangan demikian?
- 4) Pada pendapat Cikgu adakah terdapat tajuk-tajuk yang sukar kepada pelajar-pelajar Cikgu?

F. KANDUNGAN BUKU TEKS DAN KESESUAIANNYA DENGAN KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS

- 1) Pada penilaian Cikgu adakah kandungan buku teks dapat menterjemahkan isi kandungan kurikulum pendidikan Ekonomi Asas?
- 2) Apakah masalah Cikgu dalam menggunakan buku teks?
- 3) Apakah kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam kandungan buku teks?
- 4) Kenapa Cikgu berpendapat demikian?

G. KEGUNAAN HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

- 1) Adakah Huraian Sukatan Pelajaran berguna kepada Cikgu dalam merancang pengajaran dan pembelajaran?
- 2) Adakah kandungan Huraian Sukatan Pelajaran mencukupi atau sebaliknya ?

H. LATAR BELAKANG RESPONDEN

Beberapa aspek mengenai latar belakang responden seperti :

- 1) Latar Belakang Pendidikan
- 2) Lama Berkhidmat
- 3) Jawatan

LAMPIRAN B

**MATLAMAT DAN OBJEKTIF
PENDIDIKAN EKONOMI ASAS**

Matlamat dan Objektif Pendidikan Ekonomi Asas

Matlamat

Ekonomi Asas bertujuan untuk membekalkan para pelajar dengan pengetahuan dan kemahiran asas serta memupuk nilai-nilai murni. Dengan demikian pelajar dapat menyedari dan memahami masalah ekonomi, menghargai sumbangan daripada segala kegiatan ekonomi serta menyelesaikan masalah seharian dengan berkesan dan bertanggungjawab.

Objektif

Objektif mata pelajaran Ekonomi Asas adalah untuk membolehkan pelajar :

1. Memahami konsep dan prinsip asas dalam bidang ekonomi.
2. Mengaitkan konsep dan prinsip asas yang telah dipelajari dengan pengalaman seharian.
3. Mempertingkatkan minat, bakat dan sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.
4. Menyedari dan memahami isu dan masalah ekonomi semasa.
5. Menggunakan ilmu dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat memainkan peranan sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat yang rasional dan bertanggungjawab.
6. Mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi yang baik serta membuat keputusan yang bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Organisasi Kandungan

Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas ini digubal dalam bentuk yang mudah difahami oleh pelajar sesuai dengan umur dan kemampuan intelek mereka. Oleh itu, tumpuan diberi kepada pengetahuan dan pemahaman konsep dan prinsip ekonomi yang asas dan yang ada penggunaannya dalam kehidupan sehari-hari. Dalam mengkaji masalah ekonomi, analisis yang paling asas diberi penekanan.

Mata pelajaran Ekonomi Asas merupakan lanjutan daripada mata pelajaran Kemahiran Hidup. Dengan itu, perhatian khas diberi kepada kesinambungan mata pelajaran Ekonomi Asas dan komponen Perdagangan dan Keusahawanan dalam Kemahiran Hidup. Isi mata pelajaran ini bermula dengan memberi penekanan dan pemahaman kepada pelajar tentang masalah-masalah ekonomi dan hubungannya dengan aktiviti individu dari aspek pendapatan, perbelanjaan, tabungan, pinjaman dan pelaburan. Aktiviti individu ini dapat memberikan kefahaman dan panduan kepada pelajar dalam peranannya sebagai pengguna dan pengeluar yang bijak, amanah dan bertanggungjawab. Di peringkat ini juga pelajar diperkenalkan kepada konsep permintaan dan penawaran serta interaksi dan hubungan antara penawaran dan permintaan dalam pasaran.

Seterusnya, pelajar juga diberi pengetahuan mengenai asal-usul wang, fungsi wang dan institusi kewangan termasuklah bank pusat, bank perdagangan, dan institusi kewangan yang lain. Selain itu pelajar juga diberi pengetahuan tentang perkembangan ekonomi

negara, sebab dan akibat pertumbuhan ekonomi serta peranan kerajaan dalam pembangunan ekonomi negara.

Tumpuan diberikan kepada penglibatan individu dalam memajukan sektor desa dan serta peranan dan sumbangannya dalam pembangunan ekonomi negara secara keseluruhannya. Dengan ini pelajar akan dapat memahami sejarah, sumbangannya dan dasar pertanian negara pada masa kini dan pada masa hadapan.

Oleh kerana perdagangan Malaysia dengan negara luar penting dalam pembangunan ekonomi negara, tumpuan khas diberikan dalam hubungan ekonomi antarabangsa, imbalan perdagangan dan imbalan pembayaran, pertukaran asing dan peranan institusi kewangan antarabangsa. Berikut adalah tajuk-tajuk utama dalam Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas.

LAMPIRAN C

KANDUNGAN KURIKULUM PENDIDIKAN EKONOMI ASAS

Tajuk Ekonomi Asas Tingkatan 4

1. Pengenalan Kepada Ekonomi

1. Apakah Ekonomi,
2. Konsep Kekurangan, Pilihan dan Kos Lepas,
3. Masalah Asas Ekonomi dan Sistem-Sistem Ekonomi dan Penyelesaian Masalah Asas Ekonomi.

2. Individu sebagai Pengguna, Pengeluar, Penabung, Peminjam dan Pelabur

1. Keperluan dan Kehendak individu,
2. Pendapatan individu, Pendapatan Bolehguna,
3. Penggunaan Pendapatan Bolehguna dan
4. Penentuan Pemilihan sesuatu pekerjaan.

3. Isirumah sebagai Pengguna

1. Pengertian dan Objektif Penggunaan Isirumah ,
2. Teori Permintaan- konsep, keluk dan keanjalan.

4. Firma Sebagai Pengeluar

1. Firma dan Pengeluaran- Pengertian,
2. Pengeluaran dan Kos Pengeluaran,
3. Penawaran - Konsep, Keluk dan Keanjalan.

5. Pasaran

1. Konsep Pasaran
2. Keseimbangan Pasaran- keluk Permintaan dan Penawaran
3. Keseimbangan harga
4. Jenis Pasaran- Pasaran faktor dan Barang,
5. Aliran Fizikal dan Aliran Wang.

Tajuk Ekonomi Asas Tingkatan 5

1. Wang Dan Institusi Kewangan

1. Apa dan Fungsi Wang
2. Bank - Jenis-Jenis serta Fungsi bank
3. Institusi Kewangan Bukan Bank- Jenis dan Fungsi

2. Ekonomi Negara

1. Struktur Ekonomi- Perubahan dan Masalah Pergantungan
2. Kegiatan Ekonomi Penduduk Desa
3. Belanjawan Dan Hasil Negara- Sumber Hasil, Perbelanjaan, Hutang dan Tujuan Belanjawan
4. Dasar Ekonomi Baru- Dasar-dasar Ekonomi Negara

3. Hubungan Ekonomi Antarabangsa

1. Perdagangan Antarabangsa- Pengenalan, komposisi, Arah Aliaran, Imbangan Perdagangan, Kebakan dan Sekatan
2. Pertukaran Asing
3. Pengenalan, Kadar Pertukaran Asing dan Kesan Perubahan Kadar Pertukaran Asing

HURAIAN FALSAFAH PENDIDIKAN NEGARA

Huraian terperinci tentang FPN adalah penting untuk membolehkan seseorang lebih mendalami hasrat dan matlamat yang terkandung dalam pernyataan Falsafah Pendidikan Negara. Huraianya adalah seperti berikut.

1. Pendidikan Suatu Usaha Berterusan

Pendidikan merupakan proses pemerolehan dan pemindahan pengetahuan, nilai-nilai murni dan kemahiran yang berlangsung secara berterusan dalam diri seseorang kanak-kanak kecil sehingga ke akhir hayat. Kanak-kanak telahpun menerima pendidikan asas semasa mereka mereka di rumah lagi, apabila mereka menjelak alam persekolahan, kanak-kanak ini akan menperoleh pelbagai ilmu pengetahuan yang berafaedah, dipupuk dengan nilai-nilai murni untuk perkembangan sahsiah yang baik. Di samping itu, bakat keupayaan serta kemahiran mereka turut diperkembangkan. Setelah tamat persekolahan mereka masih perlu terus-menerus untuk meningkatkan ilmu pengetahuan, menperbaiki kemahiran serta menperelokan akhlak. Proses pendidikan secara berterusan ini selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan pendidikan seumur hidup.

2. Men perkembangkan Potensi Individu

Setiap individu memiliki pelbagai keupayaan dan bakat, namun demikian kebanyakannya masih terpendam. Oleh itu, usaha perlu dijalankan untuk mencungkil, memupuk, men perkembangkan dan menpertingkatkan bakat dan keupayaan tersebut. Usaha-usaha untuk men perkembangkan potensi individu ini perlu dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan bersungguh-sungguh.

3. Perkembangan Potensi Secara Menyeluruh dan Bersepadu

Kesemua potensi yang ada pada setiap individu perlu dikembangkan untuk membentuk sahsiah yang bersifat lengkap dan menyeluruh. Dengan itu, setiap potensi yang dikembangkan harus dihubungkait atau diselaraskan dengan potensi yang lain. Sebagai contoh, perkembangan potensi intelek, rohani, jasmani dalam sukan tidak boleh dipisahkan daripada aspek sosial seperti menperoleh pengetahuan untuk bermain dengan cara yang betul (intelek), bermain dengan cekap dan tangkas (jasmani) serta menpunyai semangat bekerjasama, kekitaan, dan berbakti kepada negara (rohani) dan akhirnya dapat menerima keputusan (emosi). Semua potensi yang perlu dihubungkaitkan itu perlu diperkembangkan di atas suatu paksi, dan paksi itu ialah prinsip ketuhanan. Oleh itu, nilai-nilai murni tidak boleh bercanggah dengan prinsip ketuhanan.

4. Insan yang Seimbang dan Harmonis

Insan yang seimbang dan harmonis memiliki dan menghayati ilmu pengetahuan, berakhlak mulia, percaya kepada tuhan, memiliki tubuh badan, fikiran dan jiwa yang

sihat dan boleh bekerjasama dengan orang lain. Insan yang seimbang dan harmonis juga sentiasa rasa bersyukur, bersedia dan rela menerima cabaran hidup dengan tabah serta sentiasa berusaha untuk menmajukan diri, bangsa dan negara.

5. Unsur Rohani

Ciri-ciri ini merangkumi unsur-unsur seperti percaya kepada Tuhan, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta, bertanggungjawab, disiplin diri, dan berakhhlak mulia.

6. Unsur Intelek

Ciri-ciri intelek termasuklah mempunyai kemahiran asas membaca, menulis, mengira, sentiasa berusaha meningkatkan ilmu, berfikir secara kreatif, dan berupaya memanfaatkan ilmu untuk diri dan orang lain.

7. Unsur Emosi

Ciri-ciri unur ini merangkumi tingkah laku dan perasaan terkawal, memupuk kasih sayang, semangat kekitaan dan perpaduan dan menghargai keindahan hasil seni.

8. Unsur Jasmani

Unsur ini mempunyai ciri seperti kecergasan fizikal dan kesihatan diri, dan dapat memanfaatkan tenaga fizikal untuk diri dan masyarakat.

9. Kepercayaan dan Kepatuhan Kepada Tuhan

Kepercayaan ini merupakan keyakinan wujudnya Tuhan, yakin bahawa manusia dan alam sekitar itu tidak terjadi dengan sendiri tetapi adalah ciptaan Tuhan, dan percaya bahawa hukum-hukum alam adalah hukum Tuhan. Dengan itu, manusia harus patuh kepada Tuhan dengan mengamalkan segala ajaran agama, melakukan kebaikan, bertanggungjawab kepada Tuhan dalam usaha mentadbir dan memakmurkan alam ini.

10. Rakyat Malaysia yang Berilmu Pengetahuan

Rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan memiliki sikap suka membaca, mencintai ilmu, dan berusaha memanfaatkan ilmu untuk kebajikan diri dan masyarakat.

11. Rakyat Malaysia yang Berketrampilan

Rakyat Malaysia yang beketrampilan ialah rakyat yang memiliki pengetahuan dan kemahiran yang mantap dan berkeupayaan melaksanakan tugas dengan cekap dan sempurna.

12. Rakyat Malaysia yang Berakhhlak Mulia

Rakyat Malaysia yang berakhhlak mulia ialah rakyat yang berpengetahuan menilai perkara yang baik dan buruk, dan mengamalkan perlakuan yang baik dalam kehidupannya.

13. Rakyat Malaysia yang Bertanggungjawab

Rakyat yang sedar bahawa setiap tugas itu adalah amanah yang mesti dilaksanakan dengan bersih dan sempurna. Rakyat yang sentiasa berusaha untuk memajukan diri, keluarga, masyarakat, agama, bangsa dan negara.

14. Rakyat Malaysia yang Berkeupayaan Mencapai Kesejahteraan Diri

Rakyat yang sihat dari segi fizikal, emosi dan mental. Mudah berhubung dengan orang lain, dan tabah menghadapi cabaran hidup.

15. Rakyat yang dapat Memberi Sumbangan Terhadap Keharmonian dan Kemakmuran Masyarakat dan Negara

Rakyat yang sentiasa berusaha memupuk perpaduan melalui semangat bekerjasama, berbakti, toleransi, kekitaan dan hormat-menghormati. Rakyat yang patuh kepada perlembagaan, menghayati prinsip-prinsip Rukun Negara dan sentiasa berusaha mengekalkan kestabilan negara.

NILAI-NILAI MURNI

Matlamat pendidikan juga ialah untuk melahirkan insan yang seimbang, dan juga warganegara yang baik serta memiliki akhlak yang mulia. Ciri-ciri ini hanyalah sebahagian daripada sistem nilai yang dianuti oleh seseorang atau sesebuah masyarakat. Menerusi FPN, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memuktamadkan 16 nilai yang boleh diajarkan kepada semua pelajar di negara ini. Kesemua nilai-nilai ini didokong oleh semua agama dan bersifat sarwajagat yang tidak bercanggah dengan agama, budaya, dan norma masyarakat Malaysia. Nilai-nilai ini juga berteraskan kerohanian, kemanusiaan dan kewarganegaraan yang merupakan unsur yang amat penting.

Nilai-nilai tersebut ialah :

- | | | | |
|-----------------|--------------|----------------|--------------------------|
| • Baik hati | • Berdikari | • Hemah tinggi | • Hormat-menghormati |
| • Kasih sayang | • keadilan | • kebebasan | • keberanian |
| • kejujuran | • kerajinan | • kerjasama | • kebersihan |
| • kesederhanaan | • kesyukuran | • rasional | • semangat bermasyarakat |

Selain daripada tujuan untuk melahiran insan warga negara yang baik , objektif lain penyerapan nilai-nilai dalam sistem pendidikan ialah untuk :

1. menanam kesedaran, kefahaman, keyakinan dan juga kesyukuran.
2. Menanam semangat cintakan nilai-nilai suci.
3. Menghormati kebaikan dan membenci keburukan.
4. Membentuk sikap positif yang berguna kepada agama, bangsa dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
5. Menghapuskan sikap negatif dalam kehidupan dan juga sewaktu menjalankan tugas serta tanggungjawab.
6. Menjalankan amanah dengan dedikasi.
7. Melatih dengan disiplin.
8. Meningkatkan hasil atau produktiviti
9. Berusaha untuk mencapai kecemerlangan .